

18/02/2000

Ketahanan nasional hadapi globalisasi

DALAM menghadapi cabaran globalisasi, semua dasar dan strategi pengurusan serta pembangunan sosiobudaya Malaysia perlu dijuruskan ke arah pemupukan suatu ketahanan nasional serta jatidiri, kata Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong).

Beliau berkata, serangan globalisasi juga perlu dihadapi dengan persediaan mantap dari segi perilaku, sikap, perspektif dan landskap politik bagi menjamin kelangsungan bangsa Malaysia serta memelihara kemerdekaan dan kedaulatan negara pada masa depan.

"Hakikat ini penting kerana globalisasi yang ditaja kuasa Barat bukan sahaja tertumpu kepada perdagangan dan perindustrian, malahan kepada soal politik dan sosial," katanya ketika membahaskan usul terima kasih atas titah ucapan Yang di-Pertuan Agong di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata, globalisasi sebenarnya mengandungi rahsia konspirasi politik Barat terhadap negara kecil, lemah, miskin dan membangun.

Selepas komunisme lumpuh dan dunia menjadi unipolar katanya, pendukung demokrasi Barat berusaha gigih menekan dan menundukkan negara yang gagal atau ingkar dalam menghayati ideologi itu.

"Ini adalah kerana kononnya corak demokrasi Barat sahajalah yang memenuhi piawaian antarabangsa.

"Mana-mana negara yang kritikal terhadap tuntutan mereka akan dikecam, diugut, diancam atau diporakperandakan.

"Malaysia adalah sebuah daripada negara itu. Perdana Menteri Malaysia (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) adalah antara segelintir tokoh dunia yang sentiasa diperkecil-kecilkan oleh media massa Barat dan beliau pula adalah pengkritik Barat paling vokal," katanya.

Kedadaan menjadi semakin buruk kata Ruhanie, apabila globalisasi kini dipromosikan bersama konsep hak asasi manusia, kebebasan asasi, ketelusan, isu alam sekitar dan reformasi politik.

Katanya, ciri demokrasi liberal ala-Amerika Syarikat kelihatannya menyusup ke jiwa sesetengah rakyat Malaysia sehingga mereka sanggup mengadakan demonstrasi jalanan tidak lama dulu.

"Kepada golongan reformasi di Malaysia, saya harap insaflah segera bahawa gerakan reformasi di Indonesia terbukti gagal menstabilkan negara itu sebaliknya gerakan berkenaan mengundang masalah demi masalah yang tiada kesudahan.

"Jika kita yakin kepada sistem pemerintahan demokrasi, gunakanlah sistem demokrasi yang sesuai dengan kita. Jika kita mahu jadi jaguh hak asasi manusia, bertindaklah mengikut batas budaya dan susila kita sendiri.

"Kalau kita cintakan negara Malaysia yang merdeka ini, peliharalah kemerdekaan kita menurut kebijaksanaan kita sendiri," katanya.

(END)